

OH BULAN!



Ahmad Lutfi Anis

Penerima Anugerah Buku Negara 2023 &
Anugerah PERSAMA 2023 untuk buku
If You Want To Lose Weight, Go To The Moon!

ANUGERAH
BUKU NEGARA
National Book Award
2023



KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
• Bab 1: Suatu Hari yang Cerah	1
• Bab 2: Peminat Feynman	7
• Bab 3: Ketidakpastian	15
• Bab 4: Sang Penglipur Lara	25
• Bab 5: Kinematik	33
• Bab 6: Newton	45
• Bab 7: Sebiji Buah Epal	55
• Bab 8: Terbangkan Aku ke Bulan	61
• Bab 9: Tiada yang Sempurna	67
<i>Bibliografi</i>	75
<i>Indeks</i>	79

PRAKATA

Hikmah-Nya datang dalam berbagai-bagai cara, di kala manusia menghadapi kesulitan atau ketika kita mengecapi kebahagiaan. Begitu juga rencana buku ini. Manuskrip asal dalam bahasa Inggeris, *If You Want To Lose Weight, Go To The Moon!* diilhamkan ketika dunia sedang derita mengharungi pandemik pada tahun 2020. Jujurnya, sebagai seorang pensyarah fizik, saya tidak pernah terfikir akan menulis sebuah buku, walaupun sudah biasa menghasilkan artikel-artikel penyelidikan untuk terbitan dalam jurnal akademik. Penulisan akademik ialah sebahagian daripada tugas hakiki seorang pensyarah universiti. Menulis buku berbeza sekali dengan menulis artikel penyelidikan. Namun, dorongannya sama, iaitu ilmu yang dikurniakan oleh Yang Maha Esa bukan milik kita seorang. Keberkatan ilmu timbul apabila dikongsikan dalam apa juga bentuk untuk kebaikan manusia. Ketika itu, timbul persoalan tentang jenis buku yang ingin ditulis. Saya cenderung menulis sesuatu yang saya sendiri seronok membacanya. Lantas, saya mengambil keputusan untuk menulis sebuah buku yang berbentuk santai dan penuh penceritaan. Buku yang tidak terhad kepada perbincangan tentang teori fizik semata-mata. Sebuah penulisan yang ikhlas daripada hati; yang menghiburkan melalui selitan analogi, aforisme, petikan dan sindiran; dengan harapan ia menjadi panduan, dorongan dan inspirasi kepada pembaca.

Buku *If You Want To Lose Weight, Go To The Moon!* yang diterbitkan pada tahun 2022 telah mendapat sambutan yang baik (walaupun tidak *best seller*). Alhamdulillah, hasil ikhtiar serta usaha Penerbit UiTM, buku itu telah merangkul Anugerah Buku Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dan Anugerah Buku Negara pada tahun 2023. Antara orang

BAB 1

SUATU HARI YANG CERAH

Berbekalkan lima deria, manusia menerokai alam semesta di sekelilingnya dan menamakan pengembaraan itu Sains.

~ Edwin Hubble

Sudah hampir dua bulan sejak aku meninggalkan pekerjaanku di sebuah syarikat, amanah yang aku pegang selama hampir 12 tahun. Ada orang berpendapat, jika seseorang telah bekerja di sesuatu organisasi selama 10 tahun, dia mungkin akan kekal bekerja di situ sepanjang hayat. Dalam kebanyakan kes yang aku perhatikan dalam kalangan rakan dan kenalan, anggapan itu agak benar. Tetapi ketika ini, pada pagi yang cerah dan hari terakhir tahun 2007, aku menantikan permulaan di tempat kerja yang baharu. Kebiasaannya, aku turun kerja awal. Aku sampai di pejabat pada jam 7 pagi dan meninggalkan pejabat sekitar jam 5.30 petang apabila semua orang sudah pulang ke rumah. Hari ini berbeza sedikit. Janji temu aku pada jam 9 pagi. Tiga hari yang lalu, aku menerima panggilan daripada kakitangan pentadbiran, Encik Ambiya yang memaklumkan bahawa aku telah ditawarkan jawatan sebagai pensyarah fizik '*part-time - full-time*' di UiTM Kampus Samarahan. Aku tertanya-tanya juga, mengapakah ia dipanggil '*part-time - full-time*'? Gabungan perkataan dalam istilah itu seolah-olah bercanggah antara satu sama lain. Mungkinkah mereka mengharapkan aku bekerja sepenuh masa, tetapi membayar gaji separuh masa? Sudah tentu aku tidak kisah tentang gaji. Aku lebih bimbang untuk memastikan diri aku sibuk dengan kerja kerana jawatan sementara ini ialah langkah ke arah mendapatkan jawatan pensyarah tetap yang aku mohon. Setelah melangkah ke dalam Proton Waja lama aku, aku merenung sejenak tentang keadaan yang boleh dijangkakan pada pagi yang cerah itu. Ambiya tidak memberikan banyak petunjuk.

OH BULAN!

Berlandaskan kisah benar, Oh Bulan! ialah terjemahan bahasa Melayu bagi buku berjudul *If You Want To Lose Weight, Go To The Moon!* yang menceritakan tentang permulaan awal penulis sebagai pensyarah fizik di sebuah universiti awam. Menghadapi cabaran mengajar pelajar yang mempunyai fobia terhadap mata pelajaran Fizik, penulis cuba mencari kaedah pengajaran yang berkesan dengan mengimbau kembali pengalaman-pengalaman lampau bersama-sama dengan pelbagai individu, serta menghimpunkan fakta-fakta dan pengetahuan am yang relevan dengan sains dan matematik. Tanpa latar belakang formal dalam bidang pengajaran, beliau memilih pendekatan bercerita yang tidak konvensional dengan menggunakan jenaka dan contoh-contoh praktikal yang boleh dikaitkan dengan kehidupan harian. Beliau sering mendramatisasikan sejarah dan pemahaman teori bagi konsep-konsep fizik agar lebih menarik serta lebih mudah difahami.

Ahmad Lutfi Anis ialah penulis buku *If You Want To Lose Weight, Go To The Moon!* yang telah memenangi Anugerah Buku Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dan Anugerah Buku Negara yang berprestij pada tahun 2023. Seorang pendidik secara profesional, beliau telah berkhidmat sebagai tenaga pengajar bagi kursus Fizik dan Sains Bahan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak sejak tahun 2008. Ahmad Lutfi Anis merupakan peminat tegar sukan dan penggemar dunia perfileman.